



**PENGERUSI JAWATANKUASA
KIRA-KIRA WANG NEGARA (PAC)
MERANGKAP AHLI PARLIMEN PULAI**
PEJABAT JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA
PARLIMEN MALAYSIA, JALAN PARLIMEN
50680 KUALA LUMPUR

Tel : 03-2601 7263 / 2698 6852 (DL)
Faks : 03-2698 9218
Email : pacparlimen@parlimen.gov.my
Laman Web : <http://www.parlimen.gov.my/pac>

10 JUN 2015

KENYATAAN MEDIA YB DATUK NUR JAZLAN TAN SRI MOHAMED, PENGERUSI JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA (PAC) PARLIMEN MALAYSIA MENGENAI PROSIDING SYARIKAT 1MALAYSIA DEVELOPMENT BERHAD (1MDB) – JURUAUDIT DELOITTE

KUALA LUMPUR, 10 Jun 2015 (Rabu) – Jawatankuasa Kira-Kira Wang Negara (PAC) Parlimen Malaysia hari ini, meneruskan prosiding Pengurusan Kawalan Tadbir Urus syarikat 1Malaysia Development Berhad (1MDB) milik Kementerian Kewangan (MoF) dengan memanggil firma audit, Deloitte.

Walaupun, sebelum ini PAC Parlimen Malaysia mahu meneruskan prosiding 1MDB ini dengan memanggil pengurusan tertinggi syarikat berkenaan tetapi disebabkan ketidakhadiran mereka, jawatankuasa ini memanggil firma audit Deloitte yang memberikan penarafan ‘unqualified’ terhadap penyata kewangan syarikat 1MDB bagi tahun berakhir 31 Mac 2014.

Dengan prosiding hari ini bersama firma audit Deloitte, ia banyak memberikan maklumat kepada PAC Parlimen Malaysia dan boleh saya anggap ia sebagai ‘blessing in disguise for us’ untuk kami bertanya kepada pengurusan tertinggi 1MDB selepas ini.

Ingin saya maklumkan bahawa PAC Parlimen Malaysia memutuskan untuk memanggil pengurusan tertinggi 1MDB iaitu Presidennya, Encik Arul Kanda Kandasamy dan bekas Presidennya, Datuk Shahrul Azral Ibrahim Halmi pada Ogos nanti.

Kita akan maklumkan tarikh untuk prosiding ini secara rasmi tidak lama lagi.

Dalam prosiding hari ini, PAC Parlimen Malaysia mahu mengetahui tatacara yang dipakai juruaudit Deloitte dalam menentukan akaun 1MDB sebagai ‘true and fair apabila memberikan penarafan ‘unqualified’ terhadap penyata kewangan 1MDB.

PAC Parlimen Malaysia juga mendapat penerangan daripada Deloitte mengenai tanggungjawab firma audit mereka dalam mengaudit akaun 1MDB selepas mengambil alih tanggungjawab berkenaan daripada firma audit KPMG.

Ahli Jawatankuasa PAC Parlimen Malaysia juga mahu mengetahui daripada firma audit Deloitte sama ada syarikat 1MDB ini bergantung kepada jaminan kerajaan untuk beroperasi serta masih berupaya sebagai ‘going concern’ untuk terus beroperasi sebagai ‘sovereign fund’ atau tidak kerana perkara ini tidak dinyatakan dalam laporan juruaudit.

Apa yang boleh saya simpulkan secara keseluruhannya prosiding hari ini menjawab beberapa persoalan khusus terhadap akaun 1MDB tetapi PAC Parlimen Malaysia berkemungkinan akan memanggil semula firma audit ini jika memerlukan.

PAC Parlimen Malaysia juga akan mendengar penjelasan daripada satu lagi firma audit 1MDB iaitu KPMG yang mengaudit akaun 1MDB pada 2011 dan 2012.